

Dr M

kecewa

B-M 24 JAN 1993

sikap

Clinton

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia kecewa presiden baru Amerika Syarikat, Bill Clinton, mengarahkan jet pejuang negara itu menyerang Iraq, kelmarin.

Katanya, serangan kedua dalam tempoh dua hari itu juga menyebabkan kepercayaan Malaysia terhadap negara Barat, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), semakin hilang.

Dr Mahathir berkata, setakat ini beliau belum mendapat maklumat sama ada serangan itu tindakan Amerika Syarikat semata-mata atau turut disokong PBB.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia sedih terhadap apa yang berlaku kerana kuasa besar sepatutnya memberikan perhatian kepada kalangan yang lemah seperti rakyat Bosnia yang dizalimi.

Menurutnya, keadaan di Bosnia lebih buruk berbanding Iraq tetapi sehingga sekarang tiada tindakan positif diambil, terutama oleh kuasa besar, bagi membela nasib rakyat negara berkenaan yang teraniaya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Perayaan Tahun Baru Cina di rumah Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata apa yang berlaku di Iraq hanya setakat kerajaannya memasuki kawasan yang memang pun wilayah Iraq tetapi di Bosnia, orang Serb bukan saja menceroboh wilayah negara berkenaan tetapi membunuh, merogol dan melakukan pelbagai kekejaman.

"Semua orang, termasuk bekas Setiausaha Negara Amerika, Lawrence Eagleburger, mengakui apa yang berlaku di Bosnia adalah benar.

"Malah Amnesty International sendiri mengaku tindakan orang Serb merogol wanita Bosnia dilakukan secara terancang tetapi masih tiada usaha dibuat untuk menyekat keganasan itu," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri juga mencadangkan kapal dagang yang melalui Selat Melaka didaftarkan mengikut negara syarikat itu beroperasi dan bukannya negara pengeluar kapal berkenaan.

Katanya, langkah itu perlu kerana ia akan memudahkan kerajaan menuntut ganti rugi dan pampasan jika berlaku sebarang kemalangan.